

Pelajar UNISSA perlu mahir, kuasai bahasa Arab

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sangat mementingkan kualiti tahap kemahiran bahasa Arab bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke peringkat pra-siswazah dan juga peringkat lepas ijazah.

Justeru, satu sistem ujian bahasa Arab telah direka bentuk oleh Fakulti Bahasa Arab bagi menilai tahap kemahiran bahasa Arab pelajar yang ingin meneruskan pengajian mereka di UNISSA yang memilih program yang berpangkantan bahasa Arab.

Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafiz Al-Takharruj Ke-8, UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sistem ujian bahasa tersebut jelasnya, dikenali dengan Ujian International Arabic Language Testing System (IALTS) yang direka mengikut format ujian bahasa antarabangsa seperti International English Language Testing System (IELTS) dan sistem penilaian bahasa di universiti-universiti luar negara, dengan melakukan beberapa perubahan dan penambahan mengikut keperluan pengajian bahasa Arab di UNISSA.

Sistem tersebut merupakan salah satu inisiatif UNISSA dalam memantapkan lagi penggunaan

serta kemahiran penggunaan bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa mahasiswa dalam program-program berpengantar bahasa Arab demi menjaga kualiti pengajaran dan pembelajaran, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa Al-Quran.

Selain itu katanya, dalam usaha UNISSA memastabatkan penggunaan bahasa Arab, pelbagai kegiatan juga telah dikendalikan oleh pelajar Fakulti Bahasa Arab iaitu menerusi Karnival Bahasa Arab dan Explorasi Bahasa Arab di mana pelajar sekolah-sekolah Arab dari keempat-empat daerah terutama mengambil bahagian.

Sepanjang kegiatan tersebut berlangsung, itu mengenai kemahiran bahasa Arab daripada kalangan pelajar sekolah Arab juga turut diakui.

Sementara itu, dalam usaha meningkatkan kualiti pelajarannya, jelas Dr. Awang Haji Norarfan, UNISSA terus meluaskan lagi rangkaian kerjasama strategik dengan universiti-universiti luar negara melalui penghantaran pelajarannya yang cemerlang untuk mengikuti Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange Programme) atau Program Pengajian Setahun ke Seberang Laut (Study Abroad Programme).

Pada tahun ini, buat julung-julung kalinya, UNISSA telah menghantar sekumpulan pelajar dari Program Sarjana Muda Bahasa Arab ke Universiti Sultan

Mohamad Ke-5, Maghribi bagi membina ilmu pengetahuan serta pengalaman di persekitaran yang baharu dalam usaha memantapkan lagi keupayaan pelajar tersebut menguasai bahasa Arab.

Rektor UNISSA turut menyembangkan bahawa kemasukan pelajar baharu pada tahun ini telah meningkat pada kadar 10 peratus termasuk peningkatan kemasukan pelajar-pelajar luar negara terutamanya melalui program pertukaran pelajar antara universiti.

Peningkatan kemasukan pelajar dari tahun ke tahun di UNISSA menunjukkan bahawa UNISSA semakin menjadi pilihan pelajar-pelajar dalam dan luar negara sebagai destinasi untuk mengikuti program-program pengajian berasaskan Islam, sama ada program jangka pendek maupun jangka panjang.

Rektor UNISSA seterusnya menyembangkan bahawa pada bulan Februari 2018 yang lalu, UNISSA telah diberikan penghormatan untuk mengunjungi lapan buah universiti yang berprestij di India bagi meninjau peluang kerjasama terutama dalam bidang Pengajaran Bahasa Arab, Pengajian Islam, Undang-Undang dan Kaligrafi.

Kunjungan ditaja oleh Indian Council for Cultural Relations (UCCR) yang dilaksanakan di bawah Academic Visitors Programme (AVC). Hasil daripada kunjungan tersebut, UNISSA telah berjaya memeterai Memorandum Persefahaman dengan empat buah universiti ternama di India,

termasuk NALSAR University of Law (Hyderabad), yang merupakan salah sebuah universiti terkemuka di persada antarabangsa dalam bidang undang-undang.

Dalam usaha berterusan memperkenalkan UNISSA di mata dunia antarabangsa jelasnya, UNISSA pada tahun ini telah diterima menjadi ahli kepada The Association of Commonwealth Universities (ACU).

Persatuan yang disertai lebih 500 ahli dari 50 buah negara ini, ujarnya, merupakan sebuah badan yang berperanan menyokong pembangunan pendidikan tinggi dan meningkatkan kerjasama antarabangsa serta membuka lebih luas lagi peluang melalui mobiliti pelajar dan ahli akademik, penganugerahan biasiswa, geran perpaduan dan lain-lain.

Keahlian UNISSA dalam pertumbuhan ini, setentunya meningkatkan lagi reputasi UNISSA di persada antarabangsa, selain mengembangkan jaringan kerjasama UNISSA dengan institusi-institusi tinggi luar negara.

"UNISSA menyedari bahawa kualiti sebuah universiti bergantung kepada kualiti tenaga akademiknya. Justeru, Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA) yang diperkenalkan pada tahun 2014 adalah bertujuan untuk memastikan para tenaga akademik di kesemua institusi pengajian tinggi di negara ini benar-benar mencapai kualiti yang diharapkan.

Dalam hal ini, sukcata disembahkan bahawa sejak skim ini diperkenalkan, seramai 65



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafiz Al-Takharruj Ke-8 UNISSA di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

peratus tenaga akademik UNISSA telah menjawat jawatan di bawah skim ini, sama ada melalui proses peralihan dari jawatan akademik lama, mahupun melalui pengambilan tenaga akademik baharu. InsyaaAllah, menjelang 2021, UNISSA mensasarkan kesemua tenaga akademiknya diserapkan dalam skim baharu," sembah Dr. Awang Haji Norarfan. Ke arah itu juga, UNISSA mengambil inisiatif memberikan keutamaan pengambilan tenaga akademik yang baharu, dari kalangan anak tempatan serta meningkatkan kapasiti tenaga akademik tempatan sedia ada, bagi mempersiapkan masa depan UNISSA yang lebih cemerlang.

Komunikasi Bersemuka tingkatkan hubungan kerajaan dan rakyat

Dari muka 18

Salah satu tarikan yang ada di kampung tersebut ialah terdapatnya kawasan riadah dan tempat memancing yang lengkap dan bagi mereka yang gemar berkunjung dan meluang masa bersama keluarga. Terdapat juga produk penghasilan MPK seperti Bawang Goreng, Kerepek Keladi dan Kerepek Pisang. Jika mengimbas kembali pada tahun 2009, Kampung Belais dan Buda-Buda pernah memenangi Anugerah Kampung Cemerlang dengan mendapat pingat gangsa.

Antara yang dikongsikan dari pihak MPK dan penduduk kampung ialah isu-isu berkaitan mengenai kemudahan awam dan prasaranan awam seperti pancaran komunikasi perhubungan tidak memuaskan; keselamatan pengguna jalan raya; kawalan terhadap aktiviti tidak sihat di kawasan perairan sungai dan pencegahan gejala sosial serta mewujudkan program kesedaran belia mengenai kesan buruk gejala sosial.

Melalui Program Sua Muka, pihak Jabatan Penerangan telah mengongsikan mengenai garis pandu dan tatacara yang betul bagi pengibaran Bendera Negara dan penggunaan banner. Selain itu, Jabatan juga memperkenalkan dan membarigakan mobile apps 'InfoDeptBN' dan seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi 'InfoDeptBN' melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS. Melalui mobile apps ini pengguna bolehlah mendapatkan maklumat-maklumat dan berita-berita terkini.

Juga dikongsikan bersama para

penduduk kampung ialah bagaimana mengani pernyebaran berita atau maklumat palsu yang boleh menjasakan ketenteraman, membumbunkan kekeliruan dan ketakutan kepada orang ramai.

Selain itu, turut dikongsikan adalah mengenai kebersihan di mana menurut kaji selidik Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi pada tahun 2005 jumlah sisu pepejal yang dikutip ialah sebanyak 189,000 tan setahun dan inisiatif penggunaan beg kitar semula kini sudah mulai dilaratkan lima hari dalam seminggu.

Manakala dari pihak Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) juga turut sama dalam pembarangan peralihan Analog ke Digital dan seterusnya menunjuk cara yang betul bagi pemasangan Siaran TV Digital untuk menikmati perkhidmatan Siaran TV yang bermutu tinggi dan audio yang lebih jelas.

Sememangnya program yang menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka adalah masih relevan dalam zaman yang canggih ini kerana ia lebih bersifat personal dan interaksi akan lebih berkesan serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik antara warga perkhidmatan awam dan masyarakat.

Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat.

Selain program ini, Jabatan Penerangan juga mengadakan program-program lain seperti Program Awasi Anak Kitani yang mana bagi memberi kefahaman kepada masyarakat terutama para

ibu bapa dan penjaga tentang perkara-perkara yang dikongsikan seperti isu-isu keselamatan, pencegahan dadah dan tip dalam penggunaan IT melalui sesi talktim dan pameran serta

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Program Muzakarah Penerangan menjadi pemudah cara bagi penduduk mukim dan kampung

untuk menyampaikan pandangan atau isu-isu permasalahan kepada agensi-agensi yang berkenaan.



LENSA

Anda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture and shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

Tarikh Asuk akan datang :
 1) 'Tasik' Tarikh Tutup : 29 September 2018
 2) 'Maharai Terbenam (Sunset)' Tarikh Tutup : 13 Oktober 2018
 3) 'Hari Guru' Tarikh Tutup : 27 Oktober 2018
 Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.

